

28 MAY 1998

Samy-Ladang

MIC MINTA TIMBANG KENAIKAN GAJI PEKERJA LADANG

KUALA LUMPUR, 28 Mei (Bernama) -- MIC hari ini meminta kerajaan mempertimbangkan kenaikan gaji pekerja sektor ladang di negara ini, sejajar dengan kepentingan sektor itu sebagai penyumbang utama pertukaran asing dalam keadaan kegawatan sekarang ini.

Presidennya Datuk Seri S. Samy Vellu berkata, Kementerian Sumber Manusia mesti mengambil langkah perlu bagi menimbangkan perkara itu, memandangkan pekerja ladang tidak mendapat kenaikan gaji walaupun ramai yang telah berkhidmat begitu lama.

"Soal ini telahpun dibincangkan di Kabinet. Perdana Menteri sendiri merasakan bahawa sedikit sebanyak faedah harus sampai kepada pekerja. Terpulang kepada Kementerian Sumber Manusia untuk membincangkan dengan agensi terbabit atau Persatuan Pengeluar Pertanian Malaysia (MAPA).

"Jadi kita minta kerajaan untuk mengarah pemilik-pemilik ladang menimbang semula kenaikan gaji pekerja ladang. Saya harap perkhidmatan pekerja ladang dihormati dan mereka diberi gaji lebih tinggi kerana inilah masanya kita mencari pekerja untuk kerja di ladang," katanya.

Samy Vellu yang terdahulu mempengerusikan mesyuarat Jawatankuasa Pusat (CWC) parti itu di ibu pejabat MIC di sini berkata beliau ada menerima laporan tentang ladang yang memberi bonus tinggi kepada pegawai sedangkan pekerja tidak diberi ganjaran yang sepatutnya.

Soal upah pekerja ladang merupakan isu yang lama kerana selain kadar upah rendah ladang mereka hanya menikmati upah harian yang dianggap tidak setimpal dengan kerja mereka.

Samy Vellu yang juga Menteri Kerja Raya berkata mesyuarat CWC parti itu juga memutuskan untuk meminta kerajaan mengarahkan semua pihak yang terbabit melaksanakan segera program perumahan pekerja ladang yang diluluskan pada 1976.

Beliau berkata kebanyakan negeri tidak melaksanakan program itu manakala di Selangor daripada 50 projek diluluskan hanya 10 dilaksanakan setakat ini.

Menyentuh tentang ladang yang ditukar status atau dijual, beliau berkata parti itu memandang berat masalah pekerja ladang tidak dibayar gantirugi setimpal serta bekalan elektrik dan air ke rumah mereka dipotong untuk mengusir pekerja-pekerja dari rumah mereka.

Samy Vellu juga berkata mesyuarat Persidangan Perwakilan MIC akan diadakan di Hotel Sheraton, Subang Jaya pada 8 Ogos ini dan dijangka dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

-- BERNAMA

RV PR